

### KANDUNGAN

#### Halaman 1

PENGGUNAAN GEOSPATIAL MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

#### Halaman 2

THROWBACK MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MyGDI

#### Halaman 3

PGN KOMITED DALAM INISIATIF *OPENSOURCE*

#### Halaman 4

JANGAN KETINGGALAN UNTUK MENDAPATKAN BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (BGSA) EDISI 2021!

MyLogistik merupakan pemetaan secara maya semua maklumat lokasi infrastruktur logistik yang merangkumi gudang, *off-dock* depot, stesen penguatkuasa, lapangan terbang, pelabuhan persekutuan, stesen kereta api, ICQS, jeti serta jaringan landasan kereta api dan jalan raya.

Dengan adanya MyLogistik, ia berperanan sebagai pangkalan data geospasial dan sumber maklumat bersepadu bagi mendukung *evidence-based planning* pihak-pihak berkepentingan. Sekali gus, membantu MOT dapat mencapai pembangunan infrastruktur serta jaringan logistik yang lebih terancang, menyeluruh dan efisien.

Turut hadir di majlis ini ialah YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha MOT; Cik Normah Osman, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) MOT; Puan Hajah Abrizah Abdul Aziz, Pengarah PGN, KeTSA; wakil-wakil kementerian, agensi dan persatuan logistik.

*-Dipetik daripada Kenyataan Media Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT), 18 November 2021.*

## PENGGUNAAN GEOSPATIAL MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

Pada 18 November lepas, Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. Ir Wee Ka Siong telah merasmikan Peta Geospasial Fasiliti Logistik dan Jaringan Pengangkutan (MyLogistik), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bertempat di Hotel Zenith, Putrajaya.

MyLogistik telah dibangunkan secara kolaborasi bersama Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) menggunakan platform Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS).



Untuk maklumat lanjut, sila imbas kod QR ini atau e-mel kepada **Seksyen Aplikasi Web dan Multimedia, Cawangan Perkhidmatan Geospasial, PGN** di [pgn.web@ketsa.gov.my](mailto:pgn.web@ketsa.gov.my).



INFO MyGOS

## THROWBACK MESYUARAT-MESYUARAT JAWATANKUASA TEKNIKAL MyGDI

Terdapat beberapa jawatankuasa yang bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan teknikal Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) di bawah Jawatankuasa Penyelaras MyGDI Kebangsaan (JPMK). Untuk tahun 2021, jawatankuasa-jawatankuasa yang diurus setiakan oleh Pusat Geospasial Negara (PGN) telah selesai mengadakan mesyuarat. Seterusnya kesemua laporan jawatankuasa teknikal ini akan dikemukakan ke peringkat JPMK yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KeTSA. Berikut adalah *throwback* mesyuarat-mesyuarat tersebut:

### JAWATANKUASA TEKNIKAL FRAMEWORK MyGDI (JTFM)



**TARIKH:** 23 November 2021  
**TEMPAT:** Dalam Talian  
**PENGERUSI:** Tuan Sr Sohaime bin Hj Rasidi, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan I, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)





### JAWATANKUASA TEKNIKAL STANDARD MyGDI (JTSM)



**TARIKH:** 8 Disember 2021  
**TEMPAT:** Dalam Talian  
**PENGERUSI:** Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Pengarah, Pusat Geospasial Negara (PGN)

### JAWATANKUASA TEKNIKAL CLEARINGHOUSE MyGDI (JTCM)



**TARIKH:** 8 Disember 2021  
**TEMPAT:** Dalam Talian  
**PENGERUSI:** Puan Hajah Abrizah binti Abdul Aziz, Pengarah, Pusat Geospasial Negara (PGN)



PGN selaku penyelaras Program MyGDI ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan yang telah memberikan pendapat, sokongan dan kerjasama dalam mesyuarat-mesyuarat yang telah dijalankan sepanjang tahun 2021 terutamanya mesyuarat di peringkat teknikal MyGDI.

Kejayaan kolaborasi bersama semua pihak berkepentingan adalah tunjang utama bagi memastikan objektif MyGDI tercapai.

**PGN KOMITED DALAM INISIATIF *OPENSOURCE***

Pusat Geospasial Negara (PGN) selaku penyelaras Program Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) dalam peringkat persediaan ke arah inisiatif pembangunan platform geospasial secara *opensource* seiring dengan agenda pendigitalan kerajaan bagi membentuk kepakaran dalam geospasial berimpak tinggi menggunakan sumber terbuka. Inisiatif *opensource* yang akan dilaksanakan ini merangkumi aspek pembangunan infrastruktur, sistem maklumat serta aplikasi geospasial.

Antara inisiatif *opensource* yang sedang dilaksanakan PGN ialah:



**IMPAK**

- **MENYOKONG PROSES MEMBUAT PERANCANGAN DAN KEPUTUSAN** oleh agensi kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
- **MEDIUM KOLABORASI STRATEGIK PEMBANGUNAN PRODUK GEOSPATIAL** antara agensi kerajaan dengan lebih kos efektif, cekap dan cepat.
- **SUMBER RUJUKAN** berkaitan pembangunan dan teknologi geospasial yang lebih canggih, realistik serta terkini.
- **PENDEDAHAN DAN PEMBENTUKAN KEPAKARAN** berkaitan geospasial terhadap sumber terbuka.

**NANTIKANNYA... AKAN DATANG...**




**JANGAN KETINGGALAN UNTUK MENDAPATKAN  
BULETIN GEOSPATIAL SEKTOR AWAM (BGSA)  
EDISI 2021!**

Pusat Geospasial Negara (PGN), Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) selaku penyelaras Program Infrastruktur Data Geospasial Negara (MyGDI) telah menerbitkan Buletin Geospasial Sektor Awam (BGSA) bagi tahun 2021. BGSA ini menyiarkan artikel yang menarik daripada pengamal geospasial di Malaysia dan berita pelaksanaan, perkembangan serta aktiviti Program MyGDI sepanjang tahun semasa.

Eksklusif dalam BGSA Edisi 2021 kali ini: **"Geospasial dan Imunisasi COVID-19"**

Sila imbas kod QR di bawah untuk mendapatkan BGSA Edisi 2021 versi digital:



**#MalaysiaMembaca #MyGDI #BGSA2021**

**Diterbitkan oleh:**

PUSAT GEOSPATIAL NEGARA  
KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI  
ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI  
NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156  
FAKS: 03 - 8889 4851



**KEMENTERIAN  
TENAGA DAN SUMBER ASLI**